

Kerajaan terus pertahan BM sebagai bahasa perdana

Putrajaya: Datuk Seri Najib Razak menegaskan bahawa kerajaan akan terus mempertahankan bahasa Melayu sebagai bahasa perdana di negara ini.

Perdana Menteri berkata, walaupun bahasa Inggeris dan bahasa lain diberikan ruang dalam sistem pelajaran teras negara, kerajaan tidak berganjak untuk terus menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar rasmi pendidikan semua peringkat.

“Sebagai usaha mengembang dan memantapkan dunia keilmuan tamadun Melayu serta bahasa Melayu, Kementerian Pendidikan Tinggi serta Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) disaran mempergiatkan usaha kerjasama dengan institusi di luar negara.

Kursi Pengajian Melayu

“Pada masa ini, kerajaan sudah menubuhkan beberapa Kursi Pengajian Melayu di universiti di luar negara. Usaha mengadakan kolaborasi bagi memperluaskan penggunaan bahasa Melayu ke negara lain, di samping mengambil pendekatan pragmatik untuk membangunkan bahasa



Najib bersama Rosmah bergambar dengan pemenang pelbagai kategori pada **Pertandingan Akhir Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu Piala Perdana Menteri 2016** di Putrajaya, malam tadi.

[FOTO MOHD FADLI HAMZAH/BH]

Melayu dalam negara juga harus dilaksanakan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Pertandingan Akhir Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu Piala Perdana Men-

teri 2016 (PABM 2016) di sini, malam tadi.

Yang turut hadir isterinya, Datin Seri Rosmah Mansor dan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh.

Pada pertandingan itu, peserta dari Jepun, Hatsune Yanai dinobatkan sebagai Johan Kategori Antarabangsa.

Tempat kedua dimenangi Wang Jialu dari China, mana-

kala ketiga, Megan Rose Donnelly dari Amerika Syarikat.

Bagi kategori Pelajar Antarabangsa di Malaysia, tempat pertama dimenangi Abdalla Hassan Gharib (Tanzania) mewakili Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), diikuti Nasear Slayman (Kemboja) mewakili Universiti Islam Antarabangsa Antarabangsa (UIAM) dan tempat ketiga, Anas Mohamad Husian Kasim (Iraq) mewakili Universiti Malaysia Pahang.

Johan dapat RM20,000

Peserta negara Muhammad Haziq Jamaluddin dan Irfan Mohamad Fairus pula masing-masing dinobatkan tempat pertama dan kedua Kategori Alam Melayu, manakala ketiga, Muhammad Samae dari Thailand.

Johan bagi setiap kategori membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah RM20,000, Piala Perdana Menteri, hadiah iringan dan sijil.

Bagi naib johan dan tempat ketiga pula masing-masing menerima wang tunai RM12,000 dan RM8,000, piala iringan, hadiah iringan dan sijil.